

# Shaiffudin, Azuanis harum nama UnisZA

**Kuala Nerus:** Kejayaan dua atlet memarah mengharumkan nama Universiti Sutan Zainal Abidin (UnisZA) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa membolehkan mereka dinobatkan sebagai Olahragawan Anugerah Kecemerlangan Sukan UnisZA 2015/2016.

Atlet Program Kita Juara 2017 Muhammad Shaiffudin Mohd Kamro mengeteipikan empat calon lain iaitu atlet mendayung, Muhammad Rabani Hashim; Amir Muhammad Zulfadhi Mohd Faizal (boiling padang) serta dua atlet bola sepak Mohamad Hazazi Mazuki dan Mohd Hafiz Abu Bakar.

Azuanis Abdullah yang mewakili negara di Kejoha-

nan Universiti Dunia 2016 pula menewaskan rakan se-pasukan Siti Nurul Asiah Mahmud; Nasuha Najmi (taekwando) dan Norliyana Zailani (karate-do) untuk bergelar Olahragawati.

Kedua-dua atlet itu menerima hadiah wang tunai RM1,000 beserta siji peng-bargaan, blazer dan trofi yang disampaikan Naib Can-selor UnisZA Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Latif.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UnisZA Prof Dr Nik Wan Omar dan Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UnisZA Riduan Mohd Arof. Muhammad Shaiffudin menyifatkan anugerah yang diterimanya itu sebagai satu suntikan moral buat dirinya

untuk terus cemerlang da-lam sukan memarah.

Atlet Program Kita Juara 2017 itu berkata, dia kini se-dang mengikuti program persediaan Sukan SEA Kuala Lumpur tahun depan dan

berharap terpilih mewakili negara di temasya sukan dwirahunan itu.

"Saya kini sedang mengi-kuti fasa kedua dalam Prog-ram kita juara 2017. Mengang harapan saya mahu terpilih

mewakili negara di Sukan SEA buat kali pertama," ka-tanya yang ditemui selepas Majlis Anugerah Kecemerla-ngan Sukan UnisZA di De-wan Perdana, Kampus Gong Badak, semalam.

Foto: MOHD SYAFIQ RIDZUAN AMBAK



SHAIFFUDIN (dua dari kanan), Azuanis (dua dari kiri) bersama Naim (kiri) dan Nur Aina di Dewan Perdana, UnisZA.

HARIAN METRO 15/12/2016

Atlet kelahiran Kemaman itu berkata, dia kini bersaing dengan dua lagi atlet dalam Program Kita Juara dan akan membuat yang terbaik buat kontinjen negara sekiranya terpilih ke Sukan SEA.

Dalam pada itu, Azuanis yang mewakili negara di Ke-johanan Universiti Dunia 2016 menewaskan rakan se-pasukan iaitu Siti Nurul Asiah Mahmud; Nasuha Na-jini (taekwando) dan Nor-liyana Zailani (karate-do).

Pemain bola sepak Uni-SZA, Muhammad Naim Mo-hd Nasir yang membantu pasukan muncul juara Piala Menteri Pendidikan Tinggi dinobatkan Olahragawan Hara-pan Lelaki manakala atlet memarah Sukan Malaysia (SUKMA) Terengganu, Nur Aina Yasmine Halim di-umumkan Olahragawati Hara-pan.